

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1985/86

HIA 101 - Pengantar Islam

Tarikh: 7 April 1986

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang

( 3 jam )

---

PERHATIAN:

- Pilih dan jawab TIGA(3) soalan sahaja.
  - Teliti dan fahamkan semua soalan yang diberikan sebelum anda memilih tiga soalan yang akan anda jawab. Kemudian teliti kehendak-kehendak yang terkandung di dalam soalan pilihan anda.
  - Agihkan masa dengan bijak supaya anda dapat menjawab soalan-soalan pilihan anda dengan baik.
  - Kemukakan dalil-dalil Al-Qur'an dan Hadith di dalam jawapan anda. Anda mesti memenuhi syarat ini.
1. Perkembangan dan penguasaan faham positif (positivism) dan faham kebendaan (materialism), mempengaruhi proses penyisihan dan penyempitan skop agama dari kehidupan.
- (a) Bincangkan sejauh mana kebenaran kenyataan di atas.
  - (b) Huraikan dengan hujah yang kritis, tentang bentuk dan kesan terhadap agama dan beragama selepas berlakunya pernyataan di atas.
  - (c) Nyatakan dengan jelas mengapa manusia tetap memerlukan agama di dalam kehidupannya.

2. Islam merupakan sistem hidup yang lengkap dan sempurna serta dapat menjamin keamanan, keadilan dan kesejahteraan sejagat.
  - (a) Huraikan pengertian Islam dari sudut bahasa dan istilah supaya jelas tergambar maksud sebenar kesempurnaan Islam.
  - (b) Jelaskan dasar-dasar hidup yang terkandung di dalam Syahadah.
  - (c) Huraikan tiga(3) kesan besar yang wujud hasil dari penerimaan Syahadah atau Tauhid.
  
3. Al-Qur'ān dan Hadith (Sunnah) adalah sumber rujukan yang menjadi asas pembinaan kehidupan secara Islam.
  - (a) Beri dan jelaskan tiga(3) kebenaran (kesahihan) Al-Qur'ān.
  - (b) Huraikan hubungan di antara Hadith dengan Al-Qur'ān di dalam konteks perundangan Islam.
  - (c) Kemukakan kritikan terhadap fenomenon umum berupa kepincangan yang melanda umat Islam, akibat tidak merujuk kepada Al-Qur'ān dan Sunnah.
  
4. Status manusia mengikut pandangan Islam, adalah menjadi hamba ('abdun) dan wakil (khalifah) Allah di dunia ini.
  - (a) Jelaskan konsep amanah yang diberikan oleh Allah kepada manusia.
  - (b) Huraikan tanggungjawab yang mesti ditunaikan oleh manusia mengikut Al-Qur'ān dan Sunnah.
  - (c) Bezakan dengan jelas di antara pengertian ibadah dan ujian Allah terhadap manusia.
  
5. Penceraian bukanlah merupakan satu agenda di dalam perkahwinan. Tetapi fakta sedih ini menjadi kenyataan yang menggerunkan pasangan-pasangan yang mendirikan rumahtangga.
  - (a) Tunjukkan dengan jelas di mana silapnya konsep perkahwinan kini.

- (b) Mengapa Islam menekankan syarat beragama sebagai kriteria penting bakal suami-isteri.
  - (c) Huraikan tanggungjawab yang mesti ditunaikan oleh suami-isteri, untuk meneguhkan kasih sayang (mawaddah) di dalam rumah tangga mereka.
6. Syariah (perundangan Islam) mempunyai peranan untuk membina dan menjamin keamanan.
- (a) Apakah maksud kesempurnaan syariah Islam.
  - (b) Jelaskan empat(4) berbezaan besar di antara undang-undang Islam dengan undang-undang ciptaan manusia.
  - (c) Jelaskan pengertian Hudud. Sebutkan jenis-jenis kesalahan yang terkandung di dalamnya.